

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendekatan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pelan **Insurans Motosikal Komprehensif** anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda harus membacanya juga.



Tarikh: 01/01/2026

1 Apakah itu Insurans Motosikal Komprehensif?

Polisi ini memberikan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan pada kenderaan anda, liabiliti terhadap pihak ketiga bagi kecederaan anggota atau kematian dan kerosakan harta benda pihak ketiga.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Jumlah premium yang perlu anda bayar adalah berbeza bergantung kepada jumlah yang dilindungi, buatan dan model kenderaan anda, umur anda, pengalaman tuntutan lepas, kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (DTT), pilihan manfaat tambahan dan keperluan pengunderaitan kami. Ilustrasi premium untuk RM218.68 setahun, anda akan menerima perlindungan berikut:

Amaun yang Diinsuranskan	RM5,000.00
Buatan/Model	Modenas Kriss
Usia Kenderaan	5 tahun
Kapasiti Enjin	110 cc
Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan	20%
*Manfaat Tambahan (Ini disertai dengan tambahan premium)	MyRider RM8,000.00

Polisi anda melindungi:

1. Kecederaan badan dan kematian Pihak Ketiga;
2. Kerugian atau kerosakan harta benda Pihak Ketiga; dan
3. Kerugian atau kerosakan terhadap motosikal anda akibat kebakaran yang bukan disengajakan, kecurian atau kemalangan.

Pengecualian polisi motosikal anda:

1. Kematian anda atau kecederaan badan sendiri akibat kemalangan motosikal;
2. Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada pembonceng anda;
3. Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang berlaku daripada tindakan alam semulajadi, contoh banjir, ribut atau tanah runtuh; dan
4. Kehilangan kegunaan kenderaan anda.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai perlindungan insurans motosikal anda, anda boleh:



Hubungi kami di 1-300-13-8888
(Etiqa Online)



Layari
<https://www.etiqa.com.my/motosikal>



Email kepada info@etiqa.com.my



Imbas kod QR

3 Ketahui Kewajipan Anda

Contoh pengiraan untuk insurans Motosikal Komprehensif ini, anda perlu membayar premium sebanyak:

Insurans premium asas	RM147.78
(-) Kelayakan DTT	20% atau RM29.56
(+) Manfaat Tambahan	
1. MyRider	RM75.00
Jumlah Premium	RM193.22

Anda juga harus membayar fi and caj berikut:

Komisen/Diskaun	10%
Cukai Perkhidmatan	8% atau RM15.46 daripada jumlah premium
Duti Setem	RM10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM218.68

Semua premium (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

*** MAKLUMAT PENTING YANG PERLU ANDA TAHU**

A	Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans setiap tahun.
B	Insurans hanya akan berkuatkuasa sebaik sahaja anda telah membayar premium (Bayaran Sebelum Perlindungan).
C	Anda mesti memastikan kenderaan anda diinsuranskan pada amaun yang berpatutan kerana ia akan menjejaskan amaun yang boleh anda tuntutan.
D	Sekiranya berlaku kemalangan, anda harus maklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh melakukan dengan: - Buat laporan kepada pihak polis dalam tempoh 24 jam selepas kemalangan; - Makluman boleh dilakukan secara bertulis atau melalui panggilan telefon ke talian Bantuan Tuntutan 1300 88 1007; - Lengkapkan dan hantar borang tuntutan bersama dokumen sokongan yang lain secepat mungkin; dan - Anda boleh menghantar motosikal anda ke mana-mana bengkel pembaikan yang diluluskan seperti berikut: - Bengkel pembaikan motosikal yang terdapat dalam panel bengkel Kami yang diluluskan; atau - Mana-mana pembaikan lain yang telah Kami berikan kepada Anda kebenaran khas untuk digunakan. *Sila rujuk kontrak polisi untuk butiran lanjut mengenai bengkel Pembaikan yang Diluluskan. *Sila rujuk laman web kami untuk pilihan bengkel pembaikan yang ada. Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan terma dan syarat.
E	Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan sebahagian daripada premium dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan sepanjang tempoh insurans.